

**PENGAJARAN GURU DALAM MENGGALAKKAN KREATIVITI PELAJAR
TINGKATAN EMPAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN
MALURI, KUALA LUMPUR**

ZARINABINTI ABDULLAH
M20071000088

**LAPORAN PENULISAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH SARJANA
PENDIDIKAN SENI**

FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009

PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh:



ZARINA BINTI ABDULLAH
M20071000088

PENGHARGAAN

Syukur serta alhamdulillah dipanjatkan kepada Illahi, kerana dengan izinNya penyelidikan ilmiah ini sempurna dan dapat dihantar tepat pada masanya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Roskang bin Jailani, selaku pensyarah pembimbing bagi kertas Penyelidikan Ilmiah ini. Dengan bantuan, sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan, kajian ilmiah ini mampu di sempumakan.

Setinggi penghargaan kepada ibu bapa, suami serta keluarga yang banyak memberi bantuan dan sokongan dari pelbagai segi, sepanjang menghasilkan penyelidikan ilmiah ini. Dorongan dan sokongan kalian sangat diharapkan dan akan dikenang sepanjang hayat.

Buat pelajar- pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur, ribuan terima kasih diucapkan atas jasa baik kalian membantu dan meluangkan masa sepanjang kajian ini berlansung.

Alciir sekali, buat orang perseorangan yang membantu samaada secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini, ucapan ribuan terima kasih tidak terhingga diucapkan. Kerjasama yang diberikan sangat dihargai.

Alciir kata, apa yang baik datangnya dari Allah dan yang sebaliknya datang dari kelemahan saya sendiri.

Sekian, Wassalam.

Zarina Binti Abdullah
M20071000088

ABSTRAK

Kajian ini adalah satu penyelidikan berkenaan pengajaran guru dalam menggalakkan kreativiti pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur. Kajian ini menyentuh mengenai latarbelakang kajian yang berkaitan dengan kreativiti pelajar Tingkatan Empat di sekolah ini. Ianya juga akan menyentuh berkaitan dengan pernyataan masalah dan persoalan kajian yang dijalankan. Seterusnya, kajian literatur dilakukan bagi melihat sejauh manakah kajian berkaitan dengan kreativiti pelajar dan pengajaran guru dibuat bagi membantu mendapatkan idea serta melihat kelebihan dan kekurangan kajian yang lepas. Kajian literatur juga menjelaskan secara menyeluruh segala kaitan antara kreativiti dan juga pengajaran guru. Seterusnya dalam kajian ini menyentuh tentang metodologi kajian yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana menggunakan tiga teknik asas iaitu, temubual, pemerhatian dan juga kajian pustaka. Ujian yang dilakukan dianalisis dan dikaji bagi mendapatkan data yang akan diterangkan dalam keseluruhan kajian ini merupakan dapatan kajian. Secara keseluruhannya, pengkaji telah membuat saranan dan analisis yang berkaitan dengan kajian ini meliputi pengajaran guru dan juga kreativiti pelajar.

ABSTRACT

A research was conducted for Form 4 students in Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Maluri, Kuala Lumpur. This research stresses about the skills of teaching to encourage student's creativity. This research mainly describes about the background of the student's creativity. More over this literature review was done by the researcher to know how far the teachers teaching skills helps encouraging students creativity to get ideas and to see the difference from the previous research. The literature research explains totally of everything with regards to creativity and teacher's teaching skills. This research also describes about the methodology used. Qualitative strategy which contains three basic techniques such as interview, observation and literature review was used in this research. The results was analyzed and studied to get the accurate or true result about student's creativity. Finally the researcher had suggestions and opinion on overall of the research.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	11
PENGHARGAAN	111
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	
SENARAI GAMBAR	VI
SENARAI RAJAH	VII
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	3
1.3 Pemyataan Masalah	6
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Tujuan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi istilah	8
1.8.1 Pengajaran	8
1.8.2 Kreativiti	8
1.8.3 Pelajar	9
1.8.4 Pendidikan	9
1.8.5 Pendidikan Seni	10

BAB 11 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	12
2.2 Kaedah pengajaran dan pembelajaran	14
2.2.1 Lukisan dan kreativiti	17
2.3 Proses perkembangan kreativiti	17
2.4 Kerangka Konseptual	20

BAB III METODOLOGI

3.1 Rekabentuk Kajian	21
3.2 Populasidan Sampel Kajian	22
3.3 Prosedur pengumpulan data	23
3.3.1 Temubual	23
3.3.2 Pemerhatian	25
3.4 Prosedur penganalisaan data	26

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Alctiviti dan kreativiti pelajar	27
4.2 Analisa aktiviti 1	29
4.2.1 Analisa Karya, Alctiviti 1(1), Kelas 4 Cekal	27
4.2.2 Analisa Karya, Alctiviti 1(1), Kelas 4 Damai	35
4.2.3 Analisa Karya aktiviti 1(1), Kelas 4 Ehsan	38
4.2.4 Analisa Karya aktiviti 1 (2), Kelas 4 Cekal	42
4.2.5 Analisa Karya aktiviti 1(2), Kelas 4 Damai	45
4.2.6 Analisa Karya aktiviti 1 (2), Kelas 4 Ehsan	50

4.3 Analisa Karya aktiviti 2, Kelas 4 Cekal	53
4.3.1 Analisa Karya aktiviti 2 , Kelas 4 Damai	57
4.3.2 Analisa Karya aktiviti 2, Kelas 4 Ehsan	61
4 .4 Analisa Karya aktiviti 3, Kelas 4 Cekal	64
4.4.1 Analisa Karya aktiviti 3 , Kelas 4 Damai	68
4.4 .2 Analisa Karya aktiviti 3, Kelas 4 Ehsan	73
4.5 Hasil Temubual	77
4.6 Hasil Pemerhatian	79

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesinipulan	81
5.1.1 Kesinipulan analisis karya mengikut kumpulan	82
5.1.2 Kumpulan 1, 4 Cekal	82
5.1.3 Kumpulan 2, 4 Damai	84
5.1.4 Kumpulan 3, 4 Ehsan	85
5.2 Cadangan	86
5.2.1 Cadangan untuk guru	87
5.2.1.1 Guru bijak berinteraksi dengan pelajar	87
5.2.1.2 Kaedah pengajaran gum	87
5.2.1.3 Guru celik ilmu	88
5.2.1. 4 Melakukan proses pengajaraii dan pembelajaran diluar bilik darjah	89
5.2.2 Cadangan untuk pelajar	89

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI F		
5.2.2.1 Pelajar perlu sering merujuk kepada gum		89
5.2.2.2 Pelajar perlu aktif		90
5.2.2.3 Pelajar perlu lebih berdikari dan belajar sendiri		90

RUJUKAN



SENARAI GAMBAR**GAMBAR****Mukasurat**

1. Gambar 4.1: Hasil Karya kumpulan 1	34
2. Gambar 4.2: Hasil Karya kumpulan 2	37
3. Gambar 4.3: Hasil Karya kumpulan 3	41
4. Gambar 4.4: Hasil Karya kumpulan 1	45
5. Gambar 4.5: Hasil Karya kumpulan 2	49
6. Gambar 4.6: Hasil Karya kumpulan 3	53
7. Gambar 4.7 : Hasil Karya kumpulan 1	56
8. Gambar 4.8: Hasil Karya kumpulan 2	60
9. Gambar 4.9: Hasil Karya kumpulan 3	64
10. Gambar 4.10: Hasil Karya kumpulan 1	68
11. Gambar 4.11: Hasil Karya kumpulan 2	72
12. Gambar 4.12: Hasil Karya kumpulan 3	76

SENARAI RAJAH**RAJAH****MUKASURAT**

1. RAJAH 2.1 Kerangka konseptual

20

BAB1

PENDAHULUAN

Di dalam bab ini perkara -perkara yang akan dibincangkan adalah merangkumi perihal keseluruhan berkenaan dengan kajian dan juga permasalahan kajian. Seterusnya ia juga akan melihat objektif kajian dan persoalan kajian. Akhir sekali, bab ini akan melihat kepentingan kajian yang akan dijalankan. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan definisi kreativiti dan metodologi yang akan dilaksanakan.

1.1 Pengenalan

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia meliputi perkara - perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian, yang bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar- pelajar dengan cara yang berkesan.

Pada umumnya, pengajaran merupakan sesuatu aktiviti yang meliputi pengajaran guru, disertai dengan aktiviti pembelajaran pelajar. Bagaimanapun, ahli- ahli pendidikan mempunyai pandangan yang berbeza terhadap peranan yang dimainkan oleh guru; dan pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka masing- masing.

Pendidikan mengikut pandangan umum ialah aktiviti- aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemaliiran, kerohanian dan jasmani nianusia. Secara khususnya, pendidikan boleh diertikan sebagai aktiviti persekolahan. Ini bennalaia pendidikan nierupakan aktiviti- aktiviti yang niempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemaliiran tertentu, demi berupaya menyesuaikan diri dalam masyarakatnya pada masa depan.

Pendidikan berasal daripada perkatan *educare*, dalam baliasa Latin ia bemialaia memelihara dan mengasuh kanak- kanak. Pendidikan dilihat, dibina dan dipinda dari masa ke semasa dengan kurikulum yang sentiasa digubal supaya ianya selaras dan sesuai dengan peringkat umur dan kreativiti pelajar. Pendidikan bukanlah suatu objek yang dapat dilihat tetapi ianya nierupakan suatu idea.

Bertepatan dengan definisi pendidikan itu sendiri, Malaysia sentiasa berusaha dalam memaju dan membaiki sistem pendidikan dalam negara. Pembaharuan yang berlaku di negara ini telah menyebabkan bidang atau sistem pendidikan di Malaysia turut berkembang dan berubah. Semua ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sendiri yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek.

Pendidikan Seni Visual lienjurus kepada seni tampak dan tidak merujuk kepada seni lain seperti seni muzik, seni sastera, seni tari dan seni niempertahaiikan diri.

Pendidikan Seni Visual sekolah menengah lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajanian daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi murid. Dengan ini, murid diharapkan dapat mengamalkan pertinibangan seni visual, meningkatkan lagi kepekaan, menjadi pengkarya

yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan membawa bersama nilai yang disebutkan.

1 .2 LATARBELAKANG KAJIAN

Latarbelakang kajian adalah penting mengapa penyelidikan itu dilakukan. Ia juga gambaran umum kepada perkara yang berkaitan dengan permasalahan penyelidikan yang akan dibuat.

Mata pelajaran Pendidikan Seni telah lama diajar di sekolah- sekolah di Malaysia. Menurut Ahmad Ghazie Ibrahim (2000), matapelajaran ini telah inula diperkenalkan sejak zaman British lagi. Ketika itu ia dikenali sebagai lukisan. Kemudian matapelajaran ini dikenali pula sebagai seni lulcis dan pertukangan tangan. Ia kemudiannya dikenali sebagai matapelajaran Pendidikan Seni dan kini ia diubah kepada nama yang lebih estetik iaitu Pendidikan Seni Visual.

Pada umurnnya, ramai yang beranggapan bahawa mata pelajaran Pendidikan Seni ini adalah mudah dan remeh tapi pada hakikatnya matapelajaran ini adalah sesuatu yang abstrak dan penuh estetik yang mungkin sukar difahami oleh para pelajar. Di sini, guru perlulah memilih kaedah pengajaran yang sesuai dan yang paling penting berkesan agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada pelajar terhadap sesuatu tajuk yang diajar. Minat dan sikap yang positif dalam diri pelajar amat penting dalam proses penghasilan karya kerana persepsi dari pelajar akan mempengaruhi perkembangan kreativiti dalam penghasilan karya atau produk,

Pakar - pakar yang mengkaji kreativiti mendapati kreativiti bukan fungsi kepintaran. Barang siapa yang boleh berfikir, boleh menjadi kreatif. Kreativiti memerlukan teknik berfikir yang apabila digunakan dapat menerbitkan idea- idea baru atau melihat sesuatu

dengan cara baru. Kreativiti ialah melihat apa yang semua orang sudah nampak dan memikirkan apa yang belum terfikir oleh orang lain (Ainon & Abdullah, 2005).

Pemikiran kreatif ini adalah ditalaif sebagai operasi berfikir yang dapat mengembangkan idea, hasil metafora, analogi dan definisi ataupun merekacipta sesuatu yang baru. Melalui penggunaan pemikiran kreatif, pelbagai kemungkinan penyelesaian dapat dihasilkan untuk menyelesaikan.

Penggunaan gaya pengajaran yang bersesuaian dapat menarik minat dan memastikan semua pelajar dapat memahami sesuatu konsep pelajaran Pendidikan Seni dengan lebih baik lagi masalah yang dihadapi. Menurut Muijs dan Reynolds (2001), apabila mengkaji bagaimana untuk mengajar seni, perkara penting yang perlu dilihat adalah apakah yang boleh didapati daripada pengajaran yang efektif. Jelaslah bahawa perkara pertama yang perlu difikirkan oleh seorang guru sebelum memulakan sesi pengajaran ialah penggunaan gaya dan kaedah pengajaran yang berkesan bagi membantu pelajar untuk lebih meminati seni serta memperkembangkan kreativitinya.

Pemilihan teknik untuk mengajar sesuatu tajuk atau konsep dalam Pendidikan Seni perlu bergantung kepada isi kandungan pelajaran aras kebolehan dan minat pelajar serta objektif pengajaran serta kemudahan yang ada di sekolah tersebut (Noor Shall Saad, 2005). Kaedah pengajaran yang baik dan kreatif bermaksud kebijaksanaan guru memilih untuk menyampaikan teori serta proses penghasilan supaya ianya mudah difahami oleh pelajar. Sekaligus ianya dapat membantu dalam proses perkembangan kreativiti pelajar itu sendiri.

Antara telcnik pengajaran Pendidikan Seni yang boleh digunakan dalam pengajaran di bilik seni atau bilik darjah untuk menarik minat pelajaran adalah penggunaan alat bantu mengajar seperti power point yang menarik, contoh- contoh gambar atau karya - karya. pelukis terkenal dan menayangkan video yang berkaitan dengan isi pelajaran. Selain pengajaran dalam kelas, gum juga boleh melakukan aktiviti di luar bilik darjah seperti melawat tempat - tempat kesenian atau muzium kesenian, mengadakan *outdoor drawing* selain melatih pelajar mengadakan pameran- pameran dari hasil karya pelajar itu sendiri. Secara tidalc langsung, pelajar akan lebih seronok dan berfikiran positif terhadap matapelajaran yang dianggap remeh ini. Sekaligus hasil- hasil karya yang merelca hasilkan akan lebih kreatif dan menarik melalui perkembangan idea yang dilalui dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Secara umum makna kreativiti yang konkrit tidalc dapat dikemukalcan. Dalam buku yang berjudul *Creativity*, Sdney W. Tiedt (1961), mendefinisikan kreativiti sebgai suatu hasil cipta yang bam dan asli, sesuatu yang memperlihatkan hubungan yang baru juga penggunaan imaginasi dan penerokaan. Kreativiti juga merupakan kemarnpuan seseorang yang mampu menyatukan idea baru atau idea yang diambil daripada sesuatu untuk dijadikan sesuatu yang lebih bam dan baik..

Menurut Rogers (1970) pula, proses kreativiti wujud melalui tindakan yang berkaitan dengan ciri-ciri lceunilcan seseorang, bahan dan alat yang digunakan, lcajian dan peristiwa, manusia di persekitaran serta pengalaman yang dilaluinya.

Pelajar psikologi di Califomea State University, Northradge, memberi pendapat bahawa kreativiti ialah kebolehan manusia atau seseorang individu menggunakan imaginasi., insight, intelek dan perasaan untuk menggeralckan sesuatu idea daripada keadaan sekarang kepada satu keadaan altematif yang belum pernah diterokai.

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah di kalangan pelajar adalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran iaitu kurangnya minat dan tidak kreatif. Mereka menggunakan alasan kurang kemahiran di samping tiada motivasi untuk meningkatkan kreativiti dalam subjek pendidikan seni.

1.4 Soalan kajian

1. Apakah faktor yang dapat mempengaruhi perkembangan kreativiti pelajar terhadap penghasilan karya?
2. Adakah gaya pengajaran guru dapat mempengaruhi perkembangan kreativiti dalam kalangan pelajar?
3. Bagaimana proses perkembangan kreativiti pelajar dalam menghasilkan karya?

1.5 Tujuan kajian

Penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk;

1. Mengetahui faktor yang mempengaruhi perkembangan kreativiti dalam penghasilan karya dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
2. Menganalisis proses perkembangan kreativiti pelajar dalam penghasilan karya mengikut tahap.
- 3.. Meninjau gaya pengajaran guru dan persepsi mereka terhadap pelajar.

1.6 Kepentingan kajian

Kreativiti pelajar dapat meningkatkan daya fikiran serta kecerdasan minda. Menurut Ainon dan Abdullah (2005), ciri utama orang-orang yang kreatif ialah mereka memiliki autonomi intelektual yang tinggi.

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk membuka minda pelajar agar lebih memahami seni supaya mereka dapat mendalami dan menghasilkan karya-karya yang lebih baik. Melalui minat dan sikap yang positif, berkemungkinan besar karya yang dihasilkan akan lebih sempurna dan menarik. Perkembangan kreativiti pelajar bergantung pada tingkah lakunya yang selari dengan ideanya serta kepekaannya terhadap alam sekeliling. Bersikap rajin, tekun dan pandai merancang adalah salah satu ciri kreativiti orang dewasa ataupun pelajar sekolah menengah.

Secara menyeluruh, kajian ini akan melihat sejauh mana kreativiti pelajar tingkatan empat di sekolah ini menghasilkan karya sesuai dengan aras umur serta mengikut tahap pencapaian mereka. Kajian ini juga akan melihat sejauh manakah pengajaran guru menyumbang ke arah kreativiti pelajar.

Siapa yang akan berminat dengan dapatan kajian? Dengan kumpulan mana dapatan kajian akan berkongsi? Ahli akademik? Pembuat dasar? Pengamal? Kumpulan tertentu?

Bagi kajian ini, diharapkan dapatan akan dapat menyumbang informasi kepada pihak-pihak yang relevan seperti berikut:

1. Sebagai informasi dan pengetahuan tambahan kepada bakal atau warga pendidik khususnya, dalam bidang Seni atau mengajar Seni visual di sekolah.
2. Bagi pihak pelajar dapat meningkatkan kefahaman serta kreativiti dalam berkarya.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Sekolah Menengah Taman Maluri, Taman Maluri, Kuala Lumpur. Seramai 15 orang pelajar tingkatan empat dipilih sebagai sampel dan 2 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Seni.

1.8 Definisi istilah

1.8.1 Pengajaran

Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian yang bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan.

Pada umumnya, pengajaran merupakan sesuatu aktiviti yang meliputi pengajaran guru disertai dengan aktiviti pembelajaran pelajar.

1.8.2 Kreativiti

Secara umum makna kreativiti yang konkrit tidak dapat dikemukakan. Dalam buku yang berjudul *Creativity*, Tiedt (1961), mendefinisikan kreativiti sebagai suatu hasil cipta yang baru dan asli, sesuatu yang memperlihatkan hubungan yang baru juga penggunaan imaginasi dan penerokaan.

Menurut Rogers (1970) pula, proses kreativiti wujud melalui tindakan yang berkaitan dengan ciri-ciri keunikan seseorang, bahan dan alat yang digunakan, kajian dan peristiwa, manusia di persekitaran serta pengalaman yang dilaluinya.

Pelajar psikologi di Califomea State University, Northrudge, niemberi pendapat bahawa kreativiti ialah kebolehan manusia atau seseorang individu menggunakan imaginasi, *insight*, intelek dan perasaan untuk menggerakkan sesuatu idea daripada keadaan sekarang kepada satu keadaan alternatif yang belum pernah diterokai.

1.8.3 Pelajar

Merujuk kepada individu apabila memasuki alam persekolahan. Dalam kajian istilah pelajar merujuk kepada pelajar-pelajar tingkatan empat yang merupakan responden dalam soal selidik.

1.8.4 Pendidikan

Amir Hassan (1999), pendidikan merupakan suatu proses transmisi secara formal dan tidak formal, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berlaku di antara satu generasi kepada generasi yang lain ataupun dalam generasi yang sama.

Menumt Mok Soon Sang et.al. (1988), pendidikan adalah proses dan aktiviti yang membawa perubahan kepada seseorang individu mengikut norma dan nilai sesuatu masyarakat. Proses pendidikan begini melibatkan penyebaran kebudayaan masyarakat di kalangan ahlinya. Dengan erti yang senipit, proses pendidikan bertujuan membolehkan seseorang murid berkembang sebagai seseorang individu yang dapat sesuai berfungsi secara berkesan dalam masyarakat. Sementara Hamdan (1978), mengatakan pendidikan ialah satu proses yang berterusan bagi membentuk manusia yang lengkap

Wan Mohd Zahid (1993), mengatakan pendidikai boleh dilihat dari tiga sudut iaitu :

- i. Dari segi falsafah, pendidikan ialah proses memanusiakan manusia, iaitu proses memupuk dan meningkatkan kesedaran dalam diri manusia tentang perhubungan diri dengan Tuhan Maha Esa, yang mencipta manusia dan alam semesta.
- ii. Dari segi proses, pendidikan merupakan usaha untuk memupuk dan memperkembangkan seluruh potensi manusia iaitu rohani, intelek dan jasmani. Perkembangan ketiga-tiga faktor utama manusia perlu dilakukan dengan cara menyeluruh, seimbang dan sepadu hingga ke tahap kecemerlangan.
- ii. Dari segi matlamat dan tujuan, pendidikan ialah untuk melahirkan insan soleh iaitu insan yang beriman dan bertakwa, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan berbakti.

Sebagai rumusan pendidikan ialah satu proses penyampaian dan pemerolehan ilmu yang bertujuan untuk menghasilkan atau membawa pembalihan ke dalam diri manusia agar terbentuk peribadi mulia. Pendidikan ini memainkan peranan yang penting membawa hala tuju kehidupan manusia sama ada pada masa kini atau masa hadapan.

1.8.5 Pendidikan Seni

Mata pelajaran Pendidikan Seni ditujukan kepada perkembangan mutu peribadi pelajar-pelajar melalui perkembangan daya estetik, kreatif dan persepsi. Aktiviti-aktiviti seni dijalankan dalam konteks seni lukis dan kraf yang berasaskan seni dalam persekitaran, seni tempatan dan kebangsaan. Ia bertujuan melahirkan individu yang berbudaya, iaitu yang mengamalkan pertimbangan kesenian dan kesempumaan dalam urusan hidupnya

serta mengenali dan menghargai sumbangan seni kepada warisan budaya dan identiti bangsa.

Mata pelajaran Pendidikan Seni KBSM merupakan aktiviti-aktiviti gubahan dan kajian pengamatan melalui proses inkuiri. Aspek mencuba dan mereka cipta dijadikan teras untuk pelbagai aktiviti seni dan kraf. Melalui proses penghasilan dan analisis seni, diharap dapat memberi pelajar peluang membuat sintesis pengalaman untuk menjadikannya seorang yang yakin berhubung melalui seni.

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

Di dalam bab 2 ini, turut membincangkan dan mengemukakan pandangan dari tokoh- tokoh berkenaan dengan keseluruhan perkara - perkara yang berkaitan dengan kajian ini.

Semua dapatan ini diperoleh dari sumber- sumber seperti buku, majalah, atau surat khabar yang didapati melalui tinjauan di perpustakaan dan sebagainya.

Antara perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan dengan pandangan dari tokoh, teori, sejarah dan juga faktor yang mempengaruhi data laeativiti pelajar.

2.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kaedah pengajaran guru dengan perkembangan kreativiti. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat hubungan antara pengajaran yang digunakan oleh guru dengan perkembangan laeativiti pelajar.

Kajian literatur juga bertujuan untuk meninjau atau membuat rujukan secara kiitikal dan sistematik ke atas apa sahaja dokumen ataupun data yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah dalam usaha memperoleh maklumat yang berkaitan dengan

tajuk kajian yang akan dilaksanakan. Kajian literatur memaparkan dan menjelaskan bagaimana pengkaji membuat tinjauan ke atas kajian - kajian yang lepas untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Guru seharusnya mempunyai pengetahuan dan kreativiti bagaimana untuk menjadikan suatu pengajaran dan pembelajaran sesuatu topik lebih mudah dapat menarik minat pelajar dan setenaknya meningkatkan kreativiti mereka. Oleh itu, pengajaran yang berkesan adalah amat dipeiiukan untuk memastikan isi pembelajaran dapat dibina dan difahami oleh pelajar secara bermakna.

Guru seharusnya mengetahui dengan benar dan yakin tentang rancangan pelajaran dan alatan yang paling sesuai untuk mengajar sesuatu kemahiran dan konsep bagi sesuatu topik agar ianya dapat dikuasai dan difahami secara bermakna oleh pelajar yang memiliki pelbagai gaya pembelajaran dan kebolehan akademik.

Bagi merealisasikannya pelajar dan guru seharusnya mengintergrasikan kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Di dalam bidang penghasilan seni visual, aktiviti dan kegiatan yang dibuat seharusnya melibatkan penerokaan, pengwujudan idea, pembelajaran secara terancang, penggunaan teknologi alat dan bahan melalui kaedah- kaedah dan teknik tertentu.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ahmadi Othman (2004), beliau menyatakan bahawa pengajaran seseorang guru juga sering dikaitkan dengan pencapaian dan minat pelajar kerana peranan guru dan peranan pelajar adalah saling melengkapi. Tugas utama guru adalah untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran ataupun sesuatu topik kepada satu bentuk lain yang boleh difahami oleh pelajar. Melalui ini juga pelajar dapat mempelajari